

27 JUL 1999

LID-Mahathir (G-7)

G-7 TIDAK UNDANG G-15 KE SIDANG KEMUNCAK, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kumpulan Tujuh (G-7) negara-negara maju tidak mengundang Kumpulan 15 (G-15) negara-negara membangun ke Sidang Kemuncak G-7 yang akan diadakan akhir tahun ini sungguhpun beliau telah meminta mereka (G-7) berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata beliau telah menyarankan kepada G-7 supaya Presiden Mesir Hosni Mubarak, pengerusi G-15 sekarang, mewakili negara-negara sedang membangun pada mesyuarat itu.

"Tetapi mereka (G-7) tidak mengundang kita," beliau memberitahu Bernama dalam satu wawancara khas pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) keempat di sini.

Dr Mahathir diminta menjelaskan mengenai satu kenyataan oleh Speaker Parlimen Kyrgyzstan Usup Mukambayev yang beliau (Dr Mahathir) patut bercakap bagi pihak negara-negara sedang membangun di Sidang Kemuncak G-7.

Usup, yang berada di sini untuk LID, membuat saranan itu pada perjumpaannya dengan Dr Mahathir pagi ini.

Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun dan Amerika Syarikat menjadi anggota G-7, yang juga dikenali sebagai "kelab negara-negara kaya." Jika Rusia dimasukkan, perkumpulan itu dikenali secara kolektif sebagai G-8.

Dr Mahathir berkata adalah tidak benar bahawa beliau akan menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak G-7.

Katanya apa yang berlaku ialah bahawa anggota-anggota G-15 mahu beliau menghadiri Sidang Kemuncak G-7.

"Saya tidak boleh menemui mereka (G-7) kerana mestilah ketua sekarang (G-15) menemui mereka," Dr Mahathir menjelaskan.

-- BERNAMA

ES MR/OS RON